

Mahathir mahu tegakkan kuasa 'bargain' negara2 membangun

UM 25 MAY 1983

PERDANA Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad baru-baru ini telah mengadakan lawatan ke tiga buah negara Balkan iaitu Yugoslavia, Turki dan Rumania yang mempunyai sistem politik dan ekonomi yang berbeza.

Yugoslavia sebagai sebuah negara sosialis yang agak liberal, Rumania dengan sistem komunis yang keras dan Turki yang di bawah kekuasaan tentera dan di dalam proses untuk kembali kepada demokrasi.

Dr. Mahathir pula dengan latar belakang Perdana Menteri sebuah negara yang dianggap paling demokratik di Asia Tenggara. Beliau melangkah ke negara-negara itu dengan keyakinan bahawa perbezaan ideologi dan sistem negara tidak menjadi halangan kepada tujuan lawatannya iaitu untuk dialog Selatan-Selatan yang motif utamanya ialah mewujudkan kerjasama dengan negara-negara sedang membangun dan mencari persefahaman di dalam pendekatan ekonomi dan politik terhadap negara-negara maju.

Di akhir lawatannya selama sembilan hari di Yugoslavia (10-12 Mei), di Turki (12-16 Mei) dan di Rumania (16-18 Mei) Dr. Mahathir memberitahu wartawan-wartawan Malaysia yang mengikutinya bahawa lawatannya itu mencapai kejayaan yang memuaskan.

Oleh
Zainuddin Maidin
YANG MENGIKUTI LAWATAN PM

Hal ini mengurangkan kepercayaan Dr. Mahathir kepada kesan forum dan sidang-sidang antarabangsa sebagai lapangan perjuangan untuk mencari keadilan bagi hasil negara-negara membangun.

Beliau memberitahu persidangan-persidangan akhbar di Yugoslavia, Turki dan Rumania, "ada orang tidur, ada orang keluar dan kadang-kadang kita bercakap di dalam dewan yang kosong di forum-forum antarabangsa."

Maka itu Dr. Mahathir merasa bahawa beliau perlu mengambil inisiatif untuk menemui sendiri pemimpin-pemimpin negara sedang membangun "kerana saya percaya hubungan dua hala akan lebih berkesan untuk mewujudkan kerjasama."

Dengan tujuan yang sama juga beliau terdahulu dari ini telah melawat Bangladesh, Sri Lanka, Maldives, Fiji, Papua New Guinea, Samoa Barat dan Tonga.

Beliau memberitahu negara-negara itu bahawa "kita mesti belajar untuk mengurangkan pergantungan kita kepada negara-negara maju dan mewujudkan kerjasama antara kita untuk mengurangkan

Apakah kejayaan yang dicapai oleh beliau? Untuk menjawab pertanyaan ini, kita harus bertolak dari strategi lawatannya itu yang penekanannya adalah sama di ketiga-tiga buah negara di dalam hal-hal yang menyentuh ekonomi dan politik antarabangsa.

Beliau mengemukakan masalah sikap "tidak hirau" negara-negara maju terhadap rayuan memberikan keadilan dalam sistem perdagangan antarabangsa, Palestin sebagai masalah kekejaman manusia ke atas manusia (bukannya hanya sebagai masalah Islam), soal hak rakyat Kampuchea menentukan nasib sendiri. Antartika sebagai kepunyaan manusia sejagat, menuntut pengunduran tentera asing dari Afghanistan dan masalah limpahan minyak akibat dari perang Iran Iraq.

Perkara-perkara ini bukanlah perkara-perkara baru. Ia merupakan dasar luar Malaysia dan dasar perdagangan Malaysia yang telah pun sering di suarakan.

Di forum-forum antarabangsa, seminar, persidangan dan sebagainya Malaysia telah menyuarakan rasa tidak senang dengan sikap perlindungan negara-negara maju.

Sebagai negara pengeluar utama bahan-bahan mentah; getah, timah, minyak, kelapa sawit, dan sebagainya Malaysia merasakan sikap tidak wajar negara-negara maju.

Malaysia telah mengkritik tawaran harga yang rendah, manipulasi terhadap barang-barang pasarnya dan juga kadar bunga yang tinggi yang dikenakan kepada negara-negara sedang membangun.

Suara-suara bantahan itu tidak mendatangkan kesan seperti yang diharapkan sebaliknya negara-negara maju meneruskan sistem perdagangan yang tidak adil dengan negara-negara membangun sekalipun mereka telah memberikan janji-janji untuk memperbaikinya.

penekanan negara-negara maju."

Ini tidak bererti beliau menolak kerjasama atau perdagangan dengan negara-negara kapitalis atau negara-negara maju. Dr. Mahathir adalah orang kuat percaya kepada sistem ekonomi bebas. Beliau telah berkali-kali menegaskan bahawa sistem kapitalis adalah membahagikan kekayaan dan sistem komunis membahagikan kemiskinan.

Beliau tidak begitu yakin kepada slogan "New Economic Order" atau "Order Baru Ekonomi" akan dapat merobah sikap "tamak" negara-negara maju sebaliknya negara-negara membangun sendiri mestilah mempunyai dasar dan pandangan luas untuk mendapatkan keyakinan dari negara-negara maju.

Negara-negara maju mestilah dapat diyakinkan bahawa "memberikan keadilan" kepada negara-negara membangun akan pada akhirnya meluaskan pasaran mereka dan akan memberikan kemantapan kepada sistem ekonomi bebas sendiri.

Mungkin kesedaran ini sudahpun ada di kalangan negara-negara maju tetapi mereka masih tidak berganjak dari hanya memberikan janji di bibir. Mereka lebih melihat kepentingan diri sendiri terutama sekali di dalam menghadapi tekanan ekonomi dalam negeri.

Mereka tidak boleh diharapkan untuk mengurangkan tekanan ke atas kita, kata Dr. Mahathir yang mempunyai keyakinan bahawa sikap mereka hanya boleh diubah dengan negara-negara membangun mempunyai pengertian bersama di dalam pendekatan mereka dan juga sanggup untuk bekerjasama antara mereka.

"Dengan itu kita bukan sahaja akan mempunyai kuasa untuk tawar menawar malah akan membolehkan kita untuk meneroka bidang pasaran yang penting yang telah dilalaikan selama ini" katanya.

Beliau telah mengemukakan ASEAN sebagai suatu contoh kerjasama yang berkesan di bidang ekonomi.

Di dalam suatu persidangan akhbar di Bucharest Rumania Dr. Mahathir telah ditanya bagaimanakah kerjasama seumpama itu boleh diwujudkan sedangkan terdapat perbezaan idcologi antara Malaysia dengan Rumania.

Dr. Mahathir menjawab "Rumania tidak menjadikan idcologi sebagai halangan untuk berdagang dengan Malaysia.

"Malaysia bersedia untuk menukarkan barang-barangnya seperti getah, minyak dan kelapa sawit dengan barang-barang yang diimport dari Rumania. Ini akan mengatasi masalah Rumania yang kekurangan tukaran wang asing" katanya.

Di antara barang-barang yang mungkin diimport oleh Malaysia dari Rumania ialah logam besi, baja dan hasil-hasil pertanian.

Beliau lalu memberikan "kursus pendek" kepada wartawan-wartawan yang ramai menghadiri sidang akhbaranya itu tentang bagaimana ASEAN menyelesaikan masalah-masalah buntu yang timbul dalam kerjasama ekonomi antara mereka.

Banyak kebuntuan di peringkat pegawai yang diselesaikan di peringkat menteri menerusi penyelesaian politik.

"Semakin kecil kumpulan berunding, semakin mudah masalah diselesaikan" katanya.

Dr. Mahathir mahu mengembangkan dialog Selatan-Selatan. Rumania mengambil kesempatan ini untuk mengajak negara-negara membangun kepada satu persidangan "New Economic Order" tetapi Dr. Mahathir memberitahu bahawa beliau tidak percaya kepada hubungan pelbagai hala tetapi lebih percaya kepada hubungan dua hala.

Maka itu perkara memanggil persidangan negara-negara membangun untuk tujuan tersebut ditiadakan di dalam kenyataan bersama Rumania Malaysia.

Sebagai pemimpin sebuah negara yang mengamalkan dasar ekonomi bebas, Dr. Mahathir hanya boleh mencari persefahaman dengan pemimpin-pemimpin kerajaan lain dan mencari peluang-peluang perdagangan baru bagi negara tetapi beliau tidaklah boleh memaksa kalangan swasta Malaysia berdagang atau berniaga dengan negara-negara itu.

Umpamanya, beliau tidak boleh memaksa mana-mana ahli perniagaan Malaysia untuk membeli barang-barang dari Rumania.

Tetapi apa yang harus difahami oleh kalangan perdagangan kita ialah bahawa pasaran barang-barang mentah Malaysia ke negara-negara sosialis itu adalah masih rendah di samping pasarannya ke pasaran tradisi berkurangan.

Peningkatan atau perluasan pasaran barang-barang mentah seperti getah, minyak dan kelapa sawit akan memberikan sumbangan kepada kegiatan ekonomi negara yang faedahnya akan melimpah kepada lapangan perdagangan dan perniagaan yang lain.

Kalau perspektif ini dipakai maka mungkin pihak swasta Malaysia akan lebih bersikap positif di dalam usaha untuk berdagang dengan negara-negara itu.

Wakil-wakil swasta Malaysia iaitu dari Perbadanan Pelaburan Seberang Laut Malaysia mengikuti lawatan Perdana Menteri di Yugoslavia dan Rumania dan juga ahli-ahli perniagaan Melayu berada di Turki dalam masa lawatan Dr. Mahathir ke negara itu.

Mereka berada bersama-sama bila Dr. Mahathir melawat kilang-kilang perusahaan atau pusat-pusat perdagangan.

Dr. Mahathir telah melawat sebuah kilang senjata dan peluru di Kirikkale di Ankara dan Kilang Otomarsan pembuat bas pehumpang di Istanbul, sebuah kompleks besar petro kimia di Poleiesti di Bucharest Rumania.

Di sebalik lawatannya yang bertujuan untuk mencari kerjasama ekonomi dan politik, Dr. Mahathir telah mengemukakan kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia bahawa beliau adalah serius di dalam hasratnya untuk menjayakan Persyarikatan Malaysia.

Dr. Mahathir menunjukkan bahawa beliau bukan hanya bertindak sebagai seorang Perdana Menteri tetapi juga sebagai seorang ahli perniagaan. Di dalam kesibukannya bila ada kesempatan beliau akan cuba mendapatkan maklumat balas dari ahli-ahli perniagaan itu dan juga bertukar-tukar fikiran dengan mereka.

Adakah pegawai-pegawai kerajaan juga mempunyai perasaan bahawa ahli-ahli perniagaan adalah rakan-rakan perkongsian mereka di dalam Persyarikatan Malaysia.

Hal ini tidaklah begitu jelas di sepanjang masa saya mengikuti lawatan Datuk Sri Dr. Mahathir ke Yugoslavia, Turki dan Rumania.

Mungkin harapan ini terlalu awal, tetapi Dr. Mahathir adalah seorang yang mengharapkan semua orang memahaminya dengan cepat dan bertindak dengan cepat.